

JPS mohon RM100 juta selenggara sungai

HULU LANGAT: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Hulu Langat memohon peruntukan kira-kira RM100 juta daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) bagi melaksanakan Projek Lembangan Sungai Langat bagi mengelak banjir di daerah itu termasuk Hulu Selangor dan Sepang.

Pengarah JPS Selangor, Ab Qahar Osman, berkata peruntukan itu bagi melaksanakan penyelenggaraan sepanjang 200 kilometer (km) sungai berkenaan seperti kerja mendalam, melebar, meninggikan tebing dan melurus supaya pengaliran air lancar.

Beliau berkata, kelulusan segera peruntukan itu penting dan setakat ini, kertas kerja serta kajian berhubung projek itu sudah dihantar dan pihaknya menunggu kelulusan peruntukan bagi membolehkan pelaksanaan kerja dijalankan sekali gus mengelak berlaku kejadian banjir kilat yang lebih teruk di kawasan sekitar.

"Selain itu, JPS akan memanfaatkan peruntukan sedia ada JPS Hulu Langat berjumlah RM200,000 bagi membaikpulih beberapa anak sungai yang masuk ke Sungai Langat termasuk Sungai Serai; Sungai Semungkis, Sungai Dusun Tua dan Sungai Michu sebagai projek kecemasan jangka pendek," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.